



Headline: Wanita rugi RM18,600 diperdaya sindiket 'Macau Scam' Language: Malay

Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)

Section: Nasional

Date: 9 January 2021

Page: 13

Wanita rugi RM18,600 diperdaya sindiket 'Macau Scam'

MELAKA: Seorang wanita berumur 27 tahun, mengalami kerugian RM18,600 selepas terperdaya dengan taktik sindiket 'Macau Scam' yang menyamar sebagai pegawai Pos Malaysia menerusi panggilan telefon, Rabu lepas.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Melaka Supt E. Sundra Rajan berkata mangsa, seorang pekerja perkhidmatan pelanggan didakwa mempunyai bungkusan yang tidak boleh dihantar kepadanya kerana di dalamnya ada kad pengenalan dan kad ATM yang perlu dihantar kepada seorang lelaki beralamat di Seremban.

"Mangsa pada mulanya menafikan perkara itu, dan talian kemudiannya didakwa disambungkan ke Ibu Pejabat Polis Kontijen (IPK) Seremban. Suspek yang menyamar sebagai pegawai polis memaklumkan mangsa terlibat dengan kes dadah dan penggunaan wang haram serta terdapat waran tangkap untuk menahannya.

"Mangsa yang berasa takut telah mengikut arahan suspek untuk menyelesaikan kes tersebut dengan melakukan empat kali transaksi pembayaran berjumlah RM18,600 ke dalam dua akaun berbeza pada 6 Jan lepas," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, walaupun pembayaran tersebut telah dilakukan, suspek masih meminta sejumlah wang daripada mangsa sebelum wanita itu membuat laporan polis di Balai Ayer Keroh kerana menyedari dirinya ditipu dan kes disiasat di bawah Seksyen

420 Kanun Keseksaan.

Katanya orang ramai dinasihatkan supaya berhati-hati semasa menerima panggilan telefon daripada orang tidak dikenali yang mendakwa pegawai polis, pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri atau Pos Malaysia kerana pihak berkuasa tidak akan berurusan melalui perkhidmatan itu.

Dalam perkembangan lain, Sundra Rajan berkata sebanyak 253 laporan polis berkaitan kes wang berkurangan dalam akaun bank membabitkan kerugian berjumlah RM641,112.54 diterima IPK Melaka sepanjang tahun lepas.

"Mengikut prosedur operasi standard Polis Diraja Malaysia, pengadu dinasihatkan merujuk laporan polis yang telah dibuat kepada pihak institusi kewangan terlibat agar pihak bank dapat menjalankan siasatan dalaman," katanya.

Beliau berkata, sekiranya siasatan dalaman berkenaan mendapati kehilangan wang dalam akaun mangsa melibatkan perbuatan jenayah, polis akan melakukan siasatan di bawah Kanun Keseksaan atau Akta Jenayah Komputer 1997.

Justeru, orang ramai dinasihatkan agar sentiasa menjaga kerahsiaan maklumat perbankan, tidak menggunakan kata laluan sama untuk semua akaun, elak klik pautan atau muat turun fail atau perisian daripada pihak tidak dikenali dan elak membuat urusan perbankan menerusi hotspot awam. — Bernama